

17/10/2003

Kekuatan, perpaduan, jadi teras tangani isu umat Islam

MENJELANG saat-saat terakhir sebagai pemimpin sebuah negara Islam yang dinamik, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tanpa rasa bimbang terus menegur semua pihak, sama ada pemimpin, cerdik pandai atau ulama mengenai kesilapan dan kegagalan yang dilakukan selama ini sehingga 1.3 bilion umat Islam di seluruh dunia terus ketinggalan dan tidak mendapat pembelaan sewajarnya. Tanpa menyalahkan orang lain kecuali umat Islam sendiri, Perdana Menteri berkata sikap kita yang membiarkan diri kita dipecah-pecah kepada pelbagai golongan, mazhab dan tarikat dengan masing-masing lebih mengutamakan Islam siapa lebih tulen daripada soal ummah yang satu, menyebabkan musuh dengan mudah menghina dan menindas kita.

Dalam ucapannya pada majlis perasmian Sidang Kemuncak ke-10 Pertubuhan Persidangan Islam (IOC) di Putrajaya semalam, beliau bukan sekadar membuat penilaian yang bijak dan mendalam terhadap situasi yang menimpa dunia Islam pada masa ini, malah turut memberikan penjelasan mengenai satu program tindakan bagi mengatasi masalah itu yang dianggap oleh beberapa pemimpin sebagai 'pelan damai' yang seharusnya diikuti oleh negara Islam. Dengan berteraskan kekuatan dan perpaduan, program tindakan itu diharapkan dapat digunakan oleh pemimpin dan negara Islam dalam menangani isu-isu yang dihadapi umat Islam di seluruh dunia.

Hari ini, kita sebenarnya mengulangi kesilapan umat Islam sebelum ini. Kita dibenci dan tidak dihormati. Islam dihina dan tempat suci dicemari. Negara Islam ditakluki dan umatnya kebuluran serta dibunuh. Oleh itu, sudah tiba masanya bagi kita menggunakan segala kekuatan dan merapatkan barisan untuk berhadapan dengan cabaran yang begitu besar di kalangan umat Islam ini. Dengan penduduk Islam yang berjumlah 1.3 bilion, selain memiliki simpanan minyak terbesar di dunia serta umatnya yang tidak lagi buta ilmu, negara Islam sebenarnya kuat tetapi mereka tidak pernah bersungguh-sungguh untuk cuba bersatu dan bekerjasama. Inilah kelemahan kita dan semua pihak perlu berusaha untuk memastikan segala kelebihan yang kita miliki dapat digunakan sebaik-baiknya.

Sejarah membuktikan bahawa umat Islam pernah menjadi kuasa besar dunia dengan empayarnya terbentang luas dan tamadunnya begitu disegani. Mereka menguasai ilmu sains, matematik dan kesenian sehingga tamadun Islam menjadi yang paling unggul, paling berkuasa dan paling gemilang dalam sejarah manusia. Tetapi, proses itu terhenti apabila umat Islam kembali berbalah dan berperang sesama sendiri. Mereka 'mabuk' dengan kekuasaan dan menolak kesetiaan kepada Islam. Akibatnya, tentera Islam semakin lemah dan wilayah mereka jatuh ke tangan musuh. Di Sepanyol, umat Islam akhirnya ditewaskan dan mereka disingkir ke Afrika, manakala Empayar Uthmaniah di Eropah Timur melalui proses sama.

Hakikatnya, perkembangan sejak berkurun lalu menyebabkan tamadun Islam menjadi begitu lemah sehingga satu demi satu negara Islam ditakluki atau dijajah oleh bangsa Eropah. Walaupun setelah mencapai kemerdekaan, negara Islam masih gagal memperkuatkan umatnya, manakala pentadbirannya lemah menyebabkan mereka sentiasa dilanda pergolakan. Orang Eropah dan Yahudi mengambil kesempatan ini dengan bertindak sewenang-wenangnya terhadap negara Islam. Tidak hairanlah apabila mereka dengan mudah merampas bumi Islam. Lihatlah apa yang terjadi di Palestin apabila British sewenang-wenangnya mencipta negara Israel bagi menyelesaikan masalah mereka dengan orang Yahudi. Oleh kerana umat Islam berpecah, mereka langsung tidak dapat berbuat apa-apa untuk menyekatnya.

Sememangnya, seluruh umat Islam kini menaruh harapan kepada pemimpin mereka supaya bukan sekadar meluahkan kekecewaan dan kemarahan menerusi kata-kata, tetapi juga bertindak sewajarnya. Mereka mengharapkan supaya pemimpin mereka berbuat sesuatu bagi mengelak agama Islam dan umatnya terus mengalami kemusnahan. Banyak perkara yang boleh dilaksanakan dan apa yang perlu sekarang ialah kesungguhan untuk bertindak. Sebagai umat Islam, kita harus melakukan apa yang perlu dibuat dengan kerelaan dan keazaman. Seperti kata Dr Mahathir, Allah tidak mengangkat seseorang itu sebagai pemimpin supaya mereka menikmati kuasa untuk faedah diri mereka sendiri, tetapi kuasa yang dimiliki adalah untuk rakyat, ummah dan Islam.